



Hakam Sebagai Kaedah Penyelesaian Alternatif Bagi *Shiqaq* dalam Perkahwinan

Hakam As an Alternative Dispute Resolution for Shiqaq in Marriage

Undang-Undang Keluarga Islam

73

ZANARIAH DIMON

(Corresponding Author)

ZAINI YUSNITA MAT JUSOH

SHARIFAH HANA ABD. RAHMAN

NURHIDAYAH AZAHARI

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor

zanariah@kuis.edu.my

zainiyusnita@kuis.edu.my, sharifahhana@kuis.edu.my

nurhidayahazahari93@gmail.com

Submitted: 07 March 2023

Revised: 05 April 2023

Accepted: 30 April 2023

E-Published: 30 April 2023

ABSTRAK

Hakam adalah orang tengah atau penimbang tara yang dilantik oleh mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian atau *shiqaq* di antara suami isteri. *Shiqaq* adalah pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan lagi antara suami dan isteri sehingga menyebabkan keduanya tidak dapat hidup bersama menjalankan tanggungjawab dan saling menghormati antara satu sama lain. Fungsi Hakam adalah untuk menamatkan pertelingkahan antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duanya dengan talak atau khuluk. Sesungguhnya, proses timbang tara melalui kuasa hakam memberikan manfaat kepada institusi kekeluargaan Islam dalam menyelesaikan konflik sebagai kaedah penyelesaian alternatif di mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hakam dalam peruntukan undang-undang mahupun arahan amalan masih lagi tidak begitu jelas. Tidak semua negeri memperuntukkan prosedur yang jelas mengenai kuasa Hakam kecuali di beberapa negeri seperti Selangor dan Negeri Sembilan. Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKES) telah banyak membantu menyelesaikan kes-kes perceraian yang tertunggak. Berdasarkan rekod pada tahun 2019 sebanyak 11,161 kes daripada 11,860 kes yang didaftarkan telah berjaya diselesaikan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan pengumpulan data melalui analisis dokumen terhadap Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang terpakai di negeri Selangor. Objektif kajian adalah untuk memberi gambaran yang jelas mengenai pelaksanaan hakam sebagai kaedah penyelesaian alternatif bagi *shiqaq* dalam perkahwinan di negeri Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 telah menerapkan elemen-elemen yang khusus dan terperinci mengenai pelaksanaan proses timbang tara





melalui peruntukan-peruntukan yang meliputi pelantikan hakam, fungsi, tatacara majlis tahkim, jawatankuasa hakam, etika hakam dan aduan terhadap panel hakam. Oleh itu, jelas bahawa hakam merupakan antara kaedah alternatif yang penting bagi menyelesaikan *shiqaaq* dalam perkahwinan. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan manfaat kepada pelaksanaan hakam di negeri-negeri yang lain.

Kata Kunci: Hakam, penyelesaian pertikaian, *shiqaaq*

ABSTRACT

Hakam is a mediator or arbitrator appointed by the court to resolve disputes or *shiqaaq* between husband and wife. *Shiqaaq* is an unresolved dispute between a husband and wife that makes them impossible to live together in order to carry out their responsibilities and to respect each other. Apparently, the function of Hakam is to end the conflict between husband and wife by either reconciling or separating them through divorce or khuluk. Indeed, the arbitration process through the power of hakam provides benefits to Islamic family institutions in resolving conflicts as an alternative method of dispute resolution in sharia courts. However, the implementation of hakam in legal provisions or the practice instructions is still vague and unclear. Falling under the state jurisdiction, a clear procedure regarding the authority of Hakam is not available except in some states such as Selangor and Negeri Sembilan. The Hakam (Selangor State) 2014 Rules introduced by the Selangor State Syariah Justice Department (JAKES) is of a great assistance in resolving outstanding divorce cases. Based on records in 2019, 11,161 cases out of 11,860 registered cases were successfully resolved. This study is using the qualitative approach involving data collection through document analysis of the Hakam Rules (Selangor State) 2014 that are currently applicable in Selangor. The objective of the study is to give a clear picture of the implementation of hakam as an alternative dispute resolution method for *shiqaaq* in marriage in Selangor. The results of the study found that the Hakam Rules (Selangor State) 2014 has embedded specific and detailed elements regarding the implementation of the weighing arbitration process through the provisions that cover pertaining to the appointment of hakam, functions, proceedings of the tahkim session, the committees of hakam, the ethics of hakam and complaints against the panels of hakam. Accordingly, it is clear that hakam is one of the important alternative methods to resolve *shiqaaq* in marriage. Hence, this study is expected to provide guidance and benefit for the implementation of hakam in other states.

Keywords: Hakam, dispute resolution, *shiqaaq*

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Pensyariatan perkahwinan bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang telah berkahwin. Walau bagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Realitinya, pasangan suami isteri tidak dapat lari

daripada menghadapi pelbagai konflik dan pertelingkahan sepanjang mengendalikan rumah tangga. Terdapat perkahwinan yang menghadapi krisis atau konflik sehingga memberi kesan kepada fizikal dan emosi suami atau isteri. Krisis atau konflik tersebut jika dibiarkan berterusan akan menjadi *shiqaq* atau pertikaian dan perselisihan yang berpanjangan di antara suami isteri. Keadaan yang tidak harmoni dan tidak tenteram dalam perkahwinan itu akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan emosi anak-anak. Justeru, bagi mengatasi masalah *shiqaq* dalam perkahwinan, Allah SWT telah mengatur penyelesaian dalam surah an-Nisa (4) ayat 35 iaitu melalui aplikasi kaedah hakam yang diwakili keluarga setiap pihak untuk mendamaikan kedua-dua suami dan isteri.

Matlamat hakam dalam Islam adalah untuk mewujudkan keharmonian dan menjaga hubungan yang baik antara pihak yang berkonflik terutamanya suami dan isteri sehingga perdamaian dapat dicapai. Ini kerana, hakam tidak semestinya dilantik dalam semua kes konflik rumah tangga melainkan kes yang telah jelas berlakunya *shiqaq* tetapi tidak diketahui punca pertikaian tersebut (Nurul Syafini Abdul Rahman, 2020). Sebelum ini, hakam adalah proses pilihan dan sukarela daripada kedua-dua pihak yang bertikai tetapi kini proses hakam atau tahkim merupakan salah satu kaedah penyelesaian pertikaian secara alternatif yang penting di luar prosiding mahkamah syariah dan telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam. Begitupun, pelaksanaan hakam dalam peruntukan undang-undang mahupun arahan amalan masih lagi tidak begitu jelas. Penulisan ini hanya akan membincangkan mengenai pelaksanaan hakam dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014. Kajian mendapati bahawa tidak semua negeri memperuntukkan prosedur yang jelas mengenai kuasa hakam tersebut kecuali di beberapa negeri seperti Selangor dan Negeri Sembilan. Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 (selepas ini disebut sebagai Kaedah-kaedah Hakam 2014) yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada mengenai hakam dalam seksyen 48, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 didapati telah banyak membantu menyelesaikan kes-kes perceraian yang tertunggak akibat daripada *shiqaq* yang berpanjangan dan prosiding mahkamah yang tertangguh.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan *shiqaq*, hakam dan undang-undang berkaitan. Kajian ini juga melibatkan analisis dokumen melalui peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi menganalisis penggunaan hakam sebagai medium penyelesaian berkaitan *shiqaq* dalam perkahwinan. Data dianalisis secara induktif dan analisis kandungan melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks naskhah statut-statut dan dokumen-dokumen berkaitan.

HAKAM SEBAGAI PENIMBANG TARA DALAM PENYELESAIAN SYIQAQ PERKAHWINAN

Secara umumnya, hakam adalah penimbang tara yang akan berfungsi apabila berlaku syiqaq yang berpanjangan dalam hubungan perkahwinan di antara suami isteri. Peranan Hakam adalah untuk mengenal pasti dan merungkai syiqaq yang berlaku di antara suami dan isteri dalam perkahwinan (Mahmud Saedon Awang Othman, 2000). Proses hakam adalah diharuskan dalam syarak berdasarkan firman Allah SWT melalui Surah An-Nisa ayat 35 yang bermaksud:

Dan jika kamu bimbang ada pertikaian antara keduanya (suami dan isteri) maka kirimkanlah seorang hakam dari keluarga pihak lelaki dan seorang hakam dari keluarga pihak perempuan. Jika kedua-dua orang hakam itu bermaksud mengadakan perdamaian, nescaya Allah akan memberikan taufiq kepada suami isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

(Al-Nisa', 4: 35)

Secara literal, hakam bermaksud sebagai orang tengah, pendamai atau wasit (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Hakam dikenali sebagai arbitrase atau timbang tara dan boleh diertikan sebagai memberi kuasa menjatuhkan sesuatu hukuman kepada seseorang. Manakala dari sudut istilah iaitu satu proses pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang atau hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak-pihak berlandaskan hukum syarak (Mohd Hafifi Hassim, et. al, 2019). Menurut istilah undang-undang pula, hakam ertinya seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (*shiqaq*) antara suami dan isteri (Kaedah-kaedah Hakam Selangor, 2014). Orang yang dilantik oleh pihak-pihak bagi mengadili pertikaian tersebut dinamakan sebagai hakam atau *muhakkam*. Manakala majlis atau pertemuan yang diadakan itu dinamakan sebagai Majlis Tahkim.

Hakam diperuntukkan dengan jelas menurut Seksyen 48 dalam akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Pelantikan hakam dibuat setelah mahkamah berpuas hati terhadap konflik yang sentiasa berlaku antara pihak-pihak dalam tempoh perkahwinan tersebut selepas selesai urusan perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal atau menemui jalan buntu (Hammad Mohd Dahalan et al., 2017). Lebih khusus lagi, Hakam juga akan dilantik oleh mahkamah sekiranya berlaku pertikaian dalam kes permohonan perceraian di bawah seksyen 47 iaitu perceraian talak biasa apabila gagal mencapai persetujuan kedua-dua pihak untuk bercerai.

Menurut seksyen 48(1) EUKIS, 2003 memperuntukkan jika Mahkamah Syariah berpuas hati bahawa syiqaq sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik mengikut hukum syarak, dua orang penimbang tara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan. Semasa prosiding perbincangan atau majlis tahkim berlangsung, hakam kedua-dua pihak tertakluk

kepada arahan mahkamah dan mestilah menjalankan penimbang taraan itu mengikut hukum syarak.

Keanggotaan Majlis Tahkim terdiri daripada seorang hakam daripada pihak suami dan seorang hakam daripada pihak isteri yang dilantik oleh Mahkamah Syariah daripada kalangan saudara-mara terdekat kepada bagi pihak suami dan isteri yang mempunyai maklumat dan pengetahuan mengenai isu dan konflik rumah tangga pihak-pihak tersebut (seksyen 48 (2), EUKIS, 2003). Hakam suami dan hakam isteri itu hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal pihak masing-masing dalam menjalankan peranan mereka sebagai penimbang tara sepanjang sesi Majlis Tahkim.

Malah, hakam suami boleh diberi kuasa melafazkan talak bagi pihak suami. Sesi perbincangan menerusi hakam ini juga tertakluk kepada arahan mahkamah dan hendaklah mengikut hukum syarak (seksyen 48 (5), EUKIS, 2003). Jika hakam berpendapat pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian kerana sebab lain, mahkamah boleh melantik hakam yang lain untuk proses yang sama. Jika hakam di pihak suami enggan melafazkan cerai tetapi meminta perceraian dibuat secara tebus talak dan hakam isteri bersetuju, mahkamah juga boleh mengarahkan perceraian tersebut dilakukan secara tebus talak. Kesemua prosiding ini termasuk hakam akan mengambil masa lebih kurang enam bulan hingga setahun untuk selesai sekiranya pihak-pihak memberikan kerjasama yang baik dan suami hadir ke mahkamah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini meliputi perbincangan mengenai peruntukan hakam dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang menjadi fokus utama dalam penulisan ini. Selain itu dikemukakan penjelasan menyeluruh tafsiran *shiqaq* dalam perkahwinan yang menjadi asas kepada pemakaian hakam dan penggunaan hakam sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif di luar prosiding mahkamah syariah sebagaimana peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014 tersebut.

Peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Kaedah-kaedah Hakam 2014 telah diwartakan di negeri Selangor pada 8hb Mei 2014. Kaedah ini telah digubal sebagai kaedah tambahan kepada peruntukan Hakam dalam seksyen 48, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Ia mengandungi 34 peruntukan meliputi bahagian 1 hingga VII iaitu Permulaan, Pelantikan Hakam, Fungsi, Tatacara Majlis Tahkim, Jawatankuasa Hakam, Etika Hakam, Aduan Terhadap Panel Hakam dan Perkara-perkara Am. Jadual 1 berikut memperincikan kandungan peruntukan Kaedah tersebut.

Jadual 1: Peruntukan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Bil	Perkara	Peruntukan
I	Permulaan	Kaedah 1. Nama dan permulaan Kaedah 2. Tafsiran
II	Pelantikan Hakam	Kaedah 3. Kuasa Mahkamah Kaedah 4. Pelantikan Hakam Kaedah 5. Tatacara pelantikan Hakam Kaedah 6. Pelantikan anggota Panel Hakam Kaedah 7. Penamatan pelantikan anggota Panel Hakam Kaedah 8. Kelayakan seorang Hakam
III	Fungsi	Kaedah 9. Fungsi Hakam Kaedah 10. Tanggungjawab Hakam
IV	Tatacara Majlis Tahkim	Kaedah 11. Tatacara Majlis Tahkim Kaedah 12. Penentuan jenis perceraian oleh Hakam Kaedah 13. Keengganan suami atau isteri hadir dalam prosiding Majlis Tahkim Kaedah 14. Laporan Majlis Tahkim Kaedah 15. Sighah talak dan khuluk Kaedah 16. Tempoh pelaksanaan Majlis Tahkim Kaedah 17. Pemberhentian prosiding Majlis Tahkim Kaedah 18. Keputusan Majlis Tahkim Kaedah 19. Merekod lafaz talak dan mendaftar perceraian Kaedah 20. Kehadiran Peguam Syarie dan pihak lain
V	Jawatankuasa Hakam	Kaedah 21. Penubuhan Jawatankuasa Kaedah 22. Keanggotaan Jawatankuasa Kaedah 23. Mesyuarat Jawatankuasa Kaedah 24. Fungsi Jawatankuasa
VI	Etika Hakam	Kaedah 25. Etika Hakam
VII	Aduan Terhadap Panel Hakam	Kaedah 26. Kawalan Panel Hakam Kaedah 27. Aduan terhadap Panel Hakam Kaedah 28. Siasatan Jawatankuasa Kaedah 29. Pembatalan pelantikan
VIII	Am	Kaedah 30. Tempat Majlis Tahkim Kaedah 31. Daftar Panel Hakam Kaedah 32. Bayaran elaun Hakam Kaedah 33. Rujukan kepada Hukum Syarak Kaedah 34. Sekatan

(Sumber: Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor), 2014)

Berdasarkan Jadual 1 tersebut menunjukkan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014 adalah sangat jelas dan terperinci berkaitan garis panduan pelaksanaan hakam di negeri Selangor. Ini kerana seksyen 48, Enakmen

Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 hanya memperuntukkan secara umum mengenai pelantikan dan pengendalian proses hakam bagi kes-kes yang melibatkan *shiqaq* khususnya permohonan perceraian seksyen 47 (perceraian dengan talak) yang tidak mendapat persetujuan bersama suami dan isteri. Justeru, peruntukan yang terdapat dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014 dapat membantu pihak-pihak berkaitan memahami proses sebenar pengendalian hakam sebagai medium penyelesaian alternatif dalam kes-kes melibatkan *shiqaq* di antara suami isteri.

Penentuan Tafsiran *Shiqaq* dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014

Konflik atau krisis dalam rumah tangga dimaksudkan sebagai keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang boleh mengakibatkan masalah penderaan, keganasan dan akhirnya berlaku perceraian (Haliza A. Shukor (2012). Manakala menurut A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014), kebanyakan perceraian berlaku kerana konflik dalam perkahwinan, pengabaian tanggung jawab, penderaan dan penganiayaan. Perceraian biasanya digunakan untuk menyelesaikan kemelut dalam rumah tangga. Namun begitu, perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian konflik sekiranya semua langkah penyelesaian gagal.

Konflik rumah tangga kebiasaannya melibatkan elemen-elemen nusyuz dan *shiqaq* sama ada di pihak suami atau isteri yang berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama. Nusyuz dari segi bahasa bermaksud derhaka. Isteri yang nusyuz ialah isteri yang menderhakai suaminya dalam perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan suami yang nusyuz pula ialah suami yang menzalimi atau menganiaya isterinya (Haliza A. Shukor, 2012). Secara literal, *shiqaq* adalah daripada perkataan Arab yang bererti perkelahian atau perbalahan antara suami isteri (Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah. 2002). *Shiqaq* pula menurut istilah fiqh adalah perbalahan antara suami isteri dan Islam menganjurkan supaya dilantik dua orang wakil yang menjadi orang perantaraan yang berpengaruh dan boleh menyelesaikan masalah mereka (Salleh Ismail. 2003). Manakala menurut undang-undang, *shiqaq* bermaksud perselisihan atau perkelahian berterusan antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan dan memerlukan kuasa penimbang tara atau hakam untuk menyelesaikan perselisihan tersebut (seksyen 48 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

Kaedah-kaedah Hakam 2014 telah menjelaskan peruntukan mengenai *shiqaq* di antara suami dan isteri sebagai asas utama pertimbangan hakim syarie kepada keperluan melantik hakam dalam kes-kes yang melibatkan pertikaian berterusan di antara suami isteri. *Shiqaq* yang dimaksudkan terdapat dalam Kaedah 3. Kuasa Hakam iaitu:

(a) perkelahian yang kerap antara suami dan isteri itu sama ada oleh sebab:

- (i) nusyuz isteri;
- (ii) kezaliman suami;
- (iii) ketidaktentuan siapa yang benar antara kedua-duanya; atau

(iv) salah satu pihak atau kedua-dua pihak berdusta atau menuntut yang bukan hak.

(b) perkelahan yang kerap antara suami dan isteri sehingga menimbulkan kesukaran menjalankan tanggungjawab masing-masing dan saling tuduh menuduh tidak melaksanakan hak sebagai suami dan isteri;

(c) suami atau isteri saling tuduh-menuduh antara keduanya mempunyai hubungan yang melampaui Hukum Syarak dengan perempuan atau lelaki lain;

(d) perkelahan yang kerap hingga menyebabkan pukul-memukul;

(e) salah seorang meninggalkan rumah kediaman, tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua-dua pihak di hadapan Mahkamah;

(f) suami atau isteri saling tuduh-menuduh antara keduanya mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap anak-anak sehingga berlaku pertikaian dan perkelahan yang kerap;

(g) jika didapati bahawa sebarang tuntutan oleh isteri untuk mendapatkan pembubaran perkahwinan tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah atas alasan dia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan Mahkamah mendapati pertikaian itu masih lagi berterusan atau berulang antara suami isteri tersebut; atau

(h) apa-apa tindakan yang menyebabkan *darar syarie* ke atas isteri atau suami. *Darar syarie* dimaksudkan sebagai bahaya yang menyentuh isteri atau suami mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syarak (Seksyen 2, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014).

Jika mahkamah syariah mendapati *shiqaq* berterusan di antara suami isteri dalam perkahwinan, mahkamah akan melantik hakam bagi mencari perdamaian. Kaedah tersebut memperuntukkan, sekiranya perdamaian gagal dicapai oleh kedua-dua pihak, hakam hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca kepada berlakunya *shiqaq* itu bagi menentukan kaedah penyelesaian sama ada secara talak biasa atau talak khuluk. Jika *shiqaq* itu didapati berpunca daripada suami atau kedua-dua suami dan isteri, kedua-dua hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak. Sekiranya didapati berpunca daripada isteri, kedua-dua hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar *'iwadh* hendaklah diputuskan oleh hakam. Manakala jika tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh suami, maka kedua-dua hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara talak atau jika tidak dapat ditentukan puncanya dan tuntutan perceraian dibuat oleh isteri, maka kedua-dua hakam hendaklah mencadangkan perceraian secara khuluk dan kadar *'iwadh* hendaklah diputuskan oleh hakam. (Kaedah 12. Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014).

Pelaksanaan Hakam dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Peruntukan mengenai pemakaian hakam sebagai medium penyelesaian pertikaian di negeri Selangor terdapat dalam statut induk seksyen 48, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan perinciannya dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014. Pelantikan hakam dibuat setelah mahkamah berpuas

hati syiqaq sentiasa berlaku antara pihak-pihak dalam tempoh perkahwinan tersebut selepas selesai urusan perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal atau menemui jalan buntu (Hammad Mohd Dahalan et al., 2017). Lebih khusus lagi, hakam juga akan dilantik oleh mahkamah sekiranya berlaku pertikaian dalam kes permohonan perceraian di bawah seksyen 47 iaitu perceraian talak biasa apabila gagal mencapai persetujuan kedua-dua pihak untuk bercerai.

Menurut seksyen 48(1) EUKIS, 2003 memperuntukkan jika Mahkamah Syariah berpuas hati bahawa *shiqaq* sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik mengikut hukum syarak, dua orang penimbang tara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan. Semasa prosiding perbincangan atau majlis tahkim berlangsung, Hakam kedua-dua pihak tertakluk kepada arahan mahkamah dan mestilah menjalankan penimbang taraan itu mengikut hukum syarak. Keanggotaan Majlis Tahkim terdiri daripada seorang hakam daripada pihak suami dan seorang hakam daripada pihak isteri yang dilantik oleh mahkamah syariah daripada kalangan saudara-mara terdekat kepada bagi pihak suami dan isteri yang mempunyai maklumat dan pengetahuan mengenai isu dan konflik rumah tangga pihak-pihak tersebut (seksyen 48 (2), EUKIS, 2003). Hakam suami dan hakam isteri itu hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal pihak-pihak masing-masing dalam menjalankan peranan mereka sebagai penimbang tara sepanjang sesi Majlis Tahkim.

Malah, hakam suami boleh diberi kuasa melafazkan talak bagi pihak suami. Sesi perbincangan menerusi hakam ini juga tertakluk kepada arahan mahkamah dan hendaklah mengikut hukum syarak (seksyen 48 (5), EUKIS, 2003). Jika Hakam berpendapat pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian kerana sebab lain, mahkamah boleh melantik hakam yang lain untuk proses yang sama. Jika hakam di pihak suami enggan melafazkan cerai tetapi meminta perceraian dibuat secara tebus talak dan hakam isteri bersetuju, mahkamah juga boleh mengarahkan perceraian tersebut dilakukan secara tebus talak. Kesemua prosiding ini termasuk hakam akan mengambil masa lebih kurang enam bulan untuk selesai sekiranya pihak-pihak memberikan kerjasama yang baik dan suami hadir ke mahkamah.

Selain itu, pengendalian proses hakam di Selangor juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang telah digubal bagi menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 48, EUKIS, 2013 tersebut. Kaedah-kaedah Hakam 2014 adalah sebagai garis panduan yang lebih jelas dan terperinci berkaitan proses hakam. Daripada kaedah tersebut, dapat difahami bahawa di Selangor terdapat tiga pihak yang boleh dilantik sebagai hakam iaitu sama ada dari kalangan (a) saudara karib suami dan isteri yang memenuhi kelayakan di bawah subkaedah 8(1) dan (2); (b) anggota Panel Hakam yang dilantik di bawah kaedah 6; atau (c) mana-mana Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri atau mana-mana Pegawai Majlis yang mahir dalam bidang kekeluargaan dan Hukum Syarak.

Oleh itu, terdapat dua peringkat proses hakam di Selangor iaitu peringkat pertama melibatkan hakam daripada kalangan ahli keluarga pihak-pihak yang bertikai atau dikenali sebagai hakam kerabat. Apabila hakam peringkat pertama gagal, atau pihak-pihak yang bertikai gagal mengemukakan hakam daripada kalangan kaum keluarga atau kerabat, mahkamah akan meneruskan prosiding seterusnya dengan lantikan hakam peringkat kedua. Hakam peringkat kedua ini adalah terdiri daripada pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan mempunyai kuasa penuh untuk membuat keputusan mengikut kaedah yang dibenarkan dan disebut sebagai Panel Hakam. Pada ketika ini, pihak suami mahupun isteri tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan melainkan kuasa hakam yang akan menentukan hala tuju perkahwinan mereka (Kaedah 3, Kaedah-kaedah Hakam 2014).

Bersesuaian dengan kuasa hakam menurut syarak, maka fungsi Hakam secara umumnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 9, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 adalah untuk menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duanya dengan talak atau khuluk. Amalan di Selangor dalam menentukan jenis perceraian yang boleh dicadangkan oleh hakam-hakam tersebut kepada pihak-pihak yang diwakili jika kedua-dua hakam berpuas hati bahawa perdamaian gagal dicapai oleh kedua-dua pihak, mereka hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca kepada berlakunya *shiqaq* itu bagi membuat keputusan sama ada bercerai dengan talak biasa atau talak khuluk.

Oleh kerana perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah merupakan talak *ba'in* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 15, maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut (Alyasak Berhan, et al, 2016). Ini bertepatan dengan hukum syarak bahawa perceraian melalui hakam adalah terkategori sebagai talak *bai'in sugra* dan tidak boleh dirujuk semula (Mohd. Saleh Haji Ahmad, 2005). Keputusan perceraian oleh hakam juga tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Menurut Nur Khalidah Dahlan, et al (2017), jika kedua-dua pihak suami isteri bersetuju mengenai perlantikan hakam tersebut, maka keputusan yang diputuskan oleh hakam tersebut adalah mengikat pihak-pihak, bersifat muktamad dan tidak boleh dirayu melainkan jika ada kecacatan di dalam prosiding. Rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja. Buktinya dalam Kaedah 18 di bawah Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang menyatakan bahawa perceraian yang diputuskan dalam Majlis Tahkim adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

Seterusnya, bagi mengawal dan memantau pelaksanaan Hakam, satu Jawatankuasa Hakam telah dilantik berdasarkan Kaedah-kaedah Hakam 2014. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi, seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sebagai Timbalan Pengerusi, Penasihat Undang-undang Negeri atau wakilnya, Penasihat Undang-undang Majlis atau wakilnya, seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendaftar, Nikah, Cerai Dan Rujuk Negeri atau wakilnya; da tiga orang yang berkemahiran dalam Hukum Syarak yang dilantik oleh

Majlis. Pelantikan ahli jawatankuasa dibuat oleh Ketua Hakim Syarie bagi tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

Hakam di negeri Selangor juga terikat kepada etika yang ditetapkan dalam Kaedah Hakam. Di antara etikanya adalah hakam tidak boleh mengendalikan Majlis Tahkim apabila dia berada dalam keadaan tidak tenang, marah, lapar, haus, mengantuk, letih atau tidak sihat. Selain itu, Hakam tidak boleh meninggalkan Majlis Tahkim tanpa alasan yang munasabah, bertindak tegas, adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya. Hakam juga perlu bersifat terbuka, mesra dan sabar semasa mengendalikan Majlis Tahkim, menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sukarela dan memberi layanan yang sama rata kepada pihak-pihak. Hakam hendaklah tidak bersifat berat sebelah, sentiasa berkecuali, merahsiakan segala perkara yang didedahkan dalam Majlis Tahkim kecuali apabila diarahkan oleh Mahkamah yang membicarakan kes tersebut, mengelakkan berlaku konflik kepentingan, memastikan bahawa dia mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara yang menjadi pertikaian dan menolak permohonan menjadi saksi atau penasihat kepada pihak-pihak dalam Majlis Tahkim yang pernah dikendalikannya. Sebarang kemungkiran atau pelanggaran terhadap peraturan dan etika hakam boleh diadukan kepada Jawatankuasa Hakam untuk siasatan dan tindakan yang sewajarnya.

Jadual 2 berikut mengemukakan ringkasan peruntukan berkaitan penggunaan hakam sebagai kaedah penyelesaian alternatif bagi *shiqaaq* yang berterusan berlaku di antara suami isteri dalam perkahwinan sebagaimana terdapat dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014.

Jadual 2: Ringkasan Pelaksanaan Hakam dalam Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Bil	Perkara	Peruntukan	Huraian Peruntukan
1	Kuasa mahkamah	Kaedah 3	Hakim syarie berkuasa melantik Hakam apabila berpuas hati dan telah membuat siasatan bahawa <i>shiqaaq</i> berterusan di antara suami isteri
2	Jenis hakam	Kaedah 4	Terdapat 2 peringkat pelantikan Hakam: i. Hakam ahli keluarga (kerabat) ii. Panel Hakam - Hakam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor
3	Fungsi hakam	Kaedah 9	Hakam hendaklah menamatkan <i>shiqaaq</i> antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan atau memisahkan kedua-duanya dengan talak atau khuluk.
4	Pelantikan hakam	Kaedah 3 (1)	Pihak-pihak bertikai (suami dan isteri) memilih hakam daripada

		Kaedah 3(2)	kalangan ahli keluarga Jika tiada hakim ahli keluarga, mahkamah syariah melantik hakim daripada kalangan Panel Hakim bagi pihak suami dan isteri
5	Kelayakan hakim	Kaedah 8	Hakam kerabat: a) Beragama Islam b) Lelaki c) Baligh dan berakal d) Adil dan Amanah e) Mempunyai pengetahuan asas dalam hal kekeluargaan dan Hukum Syarak Hakam panel: a) Beragama Islam; b) Warganegara Malaysia; c) Lelaki; d) Berakal dan baligh (mukalaf; e) Adil dan amanah; f) Berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah sama ada di Malaysia atau di mana-mana tempat lain; g) Kompeten dalam hal-hal kekeluargaan dan Hukum Syarak; h) Tidak pernah dibatalkan pelantikannya di bawah kaedah 29; i) Bukan seorang yang bankrap; j) Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Thanawi atau yang setaraf dengannya atau yang lebih tinggi daripada mana-mana institusi pendidikan atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dalam bidang pengajian Islam; dan k) Lulus dalam apa-apa proses penilaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
6	Pelaksanaan hakim	Kaedah 11	Hakam akan menjalankan tugas-tugas perdamaian melalui pelaksanaan Majlis Tahkim
7	Tempoh Majlis Tahkim	Kaedah 16	30 hingga 60 hari
8	Penentuan keputusan hakim	Kaedah 12	Bergantung kepada punca berlakunya <i>shiqaq</i> dalam



			menentukan jenis talak sama ada talak biasa atau talak khuluk.
9	Kesan perceraian oleh hakim	Kaedah 15	Talak <i>bain</i>
10	Kesan keputusan hakim	Kaedah 18	Keputusan muktamad dan tidak boleh dirayu

Sumber: Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

RUMUSAN

Sebagai rumusan, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 telah menerapkan elemen-elemen yang khusus dan terperinci mengenai pelaksanaan proses timbang tara melalui kuasa hakim dalam kes-kes yang melibatkan *shiqaq* atau pertikaian secara berterusan dalam hubungan suami isteri. Hakim tidak berfungsi dalam semua bentuk konflik perkahwinan. Sebaliknya, hakim hanya berfungsi apabila mendapat perintah hakim syarie setelah berpuas hati dan membuat siasatan sewajarnya bahawa *shiqaq* masih berterusan di antara suami isteri dalam perkahwinan dan hanya kuasa hakim yang dapat merungkai pertikaian tersebut. Peruntukan-peruntukan berkaitan hakim dalam Kaedah-kaedah Hakam 2014 adalah menyeluruh dan menjadi garis panduan kepada pengendalian hakim kerana ia meliputi pelantikan hakim, fungsi, tatacara majlis tahkim, jawatankuasa hakim, etika hakim dan aduan terhadap panel hakim. Ia membuktikan bahawa hakim adalah medium penyelesaian pertikaian alternatif yang penting sebagai penyelesaian bagi kes-kes yang melibatkan *shiqaq* dalam perkahwinan. Walau bagaimanapun, penulis mencadangkan penambahbaikan perlu dibuat terhadap peruntukan mengenai hakim kerabat dan panel hakim supaya lebih jelas dari segi kelayakan dan kuasa yang ada pada kedua-dua peringkat hakim ini. Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelaksanaan hakim di negeri-negeri yang lain.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK 2020)-KUIS/2020/GPIK-19/GPI/017 Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk Kuasa Hakim dan Kesannya Terhadap Pihak-pihak dalam Kes Permohonan Perceraian: Satu Kajian Perbandingan Amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Harari dan Raihanah Azahari. 2014. Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*. No. 14. 175-194.
- Alyasak Berhan & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. Pengetahuan Masyarakat Islam Terhadap Perceraian Luar Mahkamah Di Daerah Tampin, Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol. 4. 1-20.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003



- Haliza A. Shukor et al. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-undang Siri* 4. Vol. 4. 68-85.
- Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azlan Yahya. 2017. Hakam Dalam Mahkamah Syariah: Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia, *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*, Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Malaysia.
- Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 2000. Tahkim (Timbangtara dalam Islam). *Jurnal Undang-undang IKIM*. Vol. 4 No 2 July-Dis 2000. 18-30.
- Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad. 2019. Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam: Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol 6. No. 2 (September 2019), 1-14
- Mohd Saleh Haji Ahmad. 2005. Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam: Tumpuan Kepada Konsep Tahkim di dalam *Risalah Ahkam*. Intel Multimedia and Publication.
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairuddin. 2020. Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20)*. 9 & 10 Disember. Centre of Graduate Studies, 182-184.
- Nur Khalidah Dahlan, Mohd Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid dan Noor Inayah Yaakub. 2017. Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah Di Malaysia. *Journal Of Nusantara Studies (JONUS)*. Vol 2(1).
- Nurul Syafini Abd Rahman, Hasliza bt Talib, Noor Syahida Binti Abdul Rahman. 2020. Keruntuhan Rumah Tangga: Punca Dan Solusinya. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Salleh Ismail. 2003. *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah. 2002. *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd.